



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA BILANGAN 2 TAHUN 2021

---

Pada 1 November 2021, YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bilangan 2 Tahun 2021 yang diadakan secara sidang video di Parlimen. Mesyuarat telah dihadiri oleh YB Menteri-menteri, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi yang terlibat. Majlis Sosial Negara (MSN) ditubuhkan sebagai jentera pelaksana Dasar Sosial Negara yang merupakan dasar payung merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara.

Secara umumnya, YAB Perdana Menteri telah menyentuh mengenai cabaran yang dihadapi oleh rakyat dalam memerangi pandemik COVID-19. YAB Perdana Menteri memberi penekanan terhadap agenda Keluarga Malaysia yang sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan dan akan dapat direalisasikan dengan kerjasama semua pihak.

Antara fokus MSN kali ini adalah membincangkan berkenaan **keperluan memberi peluang pendidikan kepada semua kanak-kanak termasuklah kanak-kanak di sekolah pemulihan dan juga banduan muda yang sedang menjalani hukuman. Mesyuarat juga turut bersetuju untuk tindakan yang berkaitan dengan pindaan Seksyen 77 (3) Akta Kanak-kanak 2001 dilaksanakan bagi membolehkan lebih ramai banduan muda di Sekolah Henry Gurney mendapat peluang pembelajaran yang lebih holistik.**

Isu penguatkuasaan jenayah terhadap kanak-kanak di media sosial turut mendapat perhatian ahli majlis untuk terus diperkasakan. Majlis bersetuju agar satu undang-undang yang mewajibkan (*mandatory*) penyimpanan data *subscriber* yang seragam

oleh *Internet Service Provider* dibangunkan dan peranan penguatkuasaan melalui pelan tindakan dan mekanisme pemantauan perlu ditingkatkan.

**Ahli majlis turut dimaklumkan berkaitan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan penularan pandemik COVID-19 dapat dikurangkan dalam kalangan pekerja asing serta persediaan Malaysia ke arah Negara Tua pada tahun 2030, berdasarkan unjuran peratusan penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas yang akan mencecah 15.3 peratus daripada keseluruhan bilangan penduduk**

YAB Perdana Menteri berharap bahawa melalui Majlis Sosial Negara, isu-isu sosial dapat dibincangkan dalam platform ini secara aktif dan berkesan dan mempelawa penyertaan dari semua pihak termasuk ahli akademik dan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membentangkan cadangan-cadangan yang bernas dalam menangani masalah sosial ke arah pembangunan sosial negara yang lebih sejahtera. Kerjasama bersepadu ini amat diperlukan bagi menjayakan agenda Keluarga Malaysia dan memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Disediakan oleh:

Urus Setia Majlis Sosial Negara  
Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat  
1 November 2021